

KEMPEN KEBERSIHAN DAN PEMBISAIAN LANSKAP WUJUDKAN SEMANGAT BEKERJASAMA DAN ERATKAN LAGI TALI SILATURAHIM

Jumaat, 20 November 2009 – Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria telah mengadakan Kempen Kebersihan dan Pembisaian Lanskap di kawasan persekitaran Rumah Persinggahan Kerajaan, Kuala Belait yang diketuai oleh Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Yang Mulia Awg. Haji Md. Yunos bin Bolhassan.

Acara dimulakan dengan perhimpunan pegawai-pegawai dan kakitangan di kaawasan letak kereta Rumah Persinggahan Kerajaan, Kuala Belait. Kempen tersebut bermula pada jam 7.30 pagi dan berakhir pada kira-kira jam 10.30 pagi.

Kempen ini adalah merupakan kesinambungan daripada projek Program Penghijuaan bagi kawasan taman-taman permainan dan rekreasi serta jalan-jalan utama di sekitar kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria telah dilancarkan pada 15 Mac 2009.

Tujuan kempen ini juga sebagai salah satu inisiatif Jabatan dalam pemedulian keatas alam sekitar yang bersih, selesa dan selamat. Pada masa yang sama, ianya dapat menanamkan sifat tanggungjawabterhadap kebersihan dan mewujudkan lagi semangat bekerjasama dan mengeratkan lagi tali silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan.

Di antara kerja-kerja yang dilakukan sepanjang kempen kebersihan ini dijalankan ialah seperti menebas rumput-rumput, menebang pokok-pokok, membersihkan persekitaran halaman kawasan Rumah Persinggahan Kerajaan berkenaan.

Kempen ini diakhiri dengan acara penanaman pokok-pokok yang telah disempurnakan oleh Awang Haji Md. Yunos bin Bolhassan, Pengerusi Lembaga Bandran Kuala Belait dan Seria dan Awang Arifpin bin Haji Bujang, Pemangku Setiausaha Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Gambar/Info : Dino Erzan bin Haji Ali Adin
Hasil : Sitti Nurdayana binti Mohammad

